

**UCAPAN ALU-ALUAN
YANG BERHORMAT DATO PADUKA
AWANG HAJI ALI BIN APONG**
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

**SESI MUZAKARAH DIANTARA
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA &
PELANCONGAN BERSAMA DENGAN YANG
BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA**

Dewan Setia Pahlawan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Hari Isnin, 22hb. Rabiulakhir 1437H
bersamaan 1hb. Februari 2016

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara;
Yang Mulia Setiausaha Tetap; Yang Mulia Timbalan
Setiausaha Tetap; Pegawai-Pegawai Kanan; hadirin dan
hadirat yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya jua, kita semua dapat berkumpul beramai-ramai di Sesi Muzakarah pada pagi ini.

2. Bagi mewakili pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kaola/saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara kerana sudi meluangkan masa untuk berkunjung ke Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi sesi Muzakarah pada pagi ini.

3. Sebelum kita bermuzakarah dengan lebih lanjut lagi, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menyediakan satu bahan taklimat bagi mengongsikan maklumat mengenai dengan perancangan strategik dan hala-tuju dasar baru Kementerian ini.

4. Adalah diharap dengan adanya taklimat ini dan seterusnya melalui sesi soal jawab yang akan diadakan nanti, ianya akan dapat memberikan sedikit sebanyak gambaran dan meningkatkan kefahaman Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengenai dengan Visi dan Misi serta matlamat strategik dan penekanan utama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan juga Jabatan-Jabatan di bawahnya.

5. Pada peringkat ini, kaola/saya tidak berhasrat untuk bercakap dengan panjang lebar, walaubagaimanapun kaola/saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengongsikan dengan serba ringkas, penekanan utama perancangan strategik dan hala tuju dasar baru bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

6. Pada dasarnya, penekanan perancangan strategik dan hala tuju dasar baru Kementerian ini adalah selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Awal Tahun Baru Masehi 2016 baru-baru ini, khususnya yang berkenaan dengan bidang PEREKONOMIAN.

7. Izinkan kaola/saya memetik Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia tersebut, yang berbunyi:-

“Di sini, kita perlu turut melihat prestasi ekonomi kita sendiri, di mana beberapa tahun kebelakangan ini, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah agak perlahan, yang memerlukan kita menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar sektor minyak dan gas.

Diantara yang di luar sektor minyak dan gas itu, ialah seperti sektor pertanian atau perikanan, sektor pembuatan, sektor perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan lain-lain.

*Kita mustahak ingat, bahawa **pasaran dalam negara yang kecil, bukanlah alasan untuk menghalangi pertumbuhan keluaran**, malah setiap syarikat, sama ada ia milik persendirian atau milik kerajaan, adalah mampu untuk **mensasarkan penjualan produk dan perkhidmatan mereka keluar negara sebagai eksport**.*

*Beta sebelum ini pernah menekankan, bahawa **peningkatan pertumbuhan ekonomi boleh dicapai dengan memberi keutamaan kepada peningkatan produktiviti, melalui penyelidikan dan penggunaan teknologi terkini**.*

Ini turut diyakini mampu untuk membantu mengurangkan unit kos pengeluaran, disamping juga akan membolehkan kita menembusi pasaran antarabangsa dengan menawarkan produk dan perkhidmatan kita. Dengan berlakunya ini, bererti, keluaran dan eksport kita adalah tumbuh, yang dengan sendirinya, akan meletakkan ekonomi kita juga berada di tahap berkembang dan tumbuh.”

8. Melalui Titah tersebut, Baginda telah mengariskan hala tuju dasar yang jelas untuk dijadikan sebagai panduan dalam menyediakan perancangan strategik dan hala tuju dasar Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

9. Dalam hubungan ini, perancangan strategik dan hala tuju dasar baru yang disediakan untuk Kementerian ini secara amnya akan memberikan penekanan dan memfokuskan kepada usaha-usaha untuk:-

- a. memastikan agar keluaran dari kegiatan-kegiatan industri sumber-sumber utama dan pelancongan akan terus meningkat dan tumbuh dari tahun ke-tahun secara berterusan dan pada kadar pertumbuhan yang cepat;
- b. memastikan agar sasaran untuk meningkatkan keluaran, khususnya bagi kegiatan industri sumber-sumber utama, bukan sahaja hanya setakat untuk memenuhi keperluan tahap sara diri (*self sufficiency*) dan keperluan domestik, tetapi juga untuk tujuan eskport, dan tidak menjadikan saiz pasaran Negara yang kecil ini sebagai alasan atau penghalang untuk tumbuh atau maju.
- c. menggalakkan penggunaan teknologi terkini untuk meningkatkan keluaran dan produktiviti, mengurangkan unit kos dan seterusnya menjadikan produk lebih kompetitif dan mampu bersaing di pasaran antarabangsa;

- d. menggalakkan pelaburan, samada pelaburan tempatan atau pelaburan asing langsung (FDI), untuk membantu meningkatkan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan, dengan mendatangkan teknologi-teknologi terkini serta kepakaran-kepakaran yang bersesuaian; dan
- e. Mengurangkan pergantungan kepada sumber Kewangan Kerajaan KDYMM sahaja bagi sebarang aktiviti aktiviti yang diungkayahkan bagi menjana pertumbuhan ekonomi. Akan tetapi penglibatan pihak swasta akan di terokai seluas luas nya, contohnya melalui PPP (*Public-Private-Partnership*), *outsourcing*, dll.

10. Secara amnya, perancangan strategik dan hala tuju dasar baru Kementerian ini akan memberikan penekanan kepada empat (4) teras utama iaitu **pertumbuhan (*growth*); produktiviti; eksport; dan kedayatahanan (*sustainability*)**,

yang mana penerangan lanjut mengenainya akan dijelaskan dalam sesi taklimat yang akan menyusul nanti.

11. Walaubagaimanapun, ingin juga kaola/saya nyatakan disini bahawa dalam menggiatkan usaha-usaha yang menjurus ke arah menjana pertumbuhan ekonomi Negara, pihak Kementerian ini akan terus mengambil berat akan kepentingan untuk memastikan agar kegiatan-kegiatan industri sumber-sumber utama dan pelancongan yang dilaksanakan, tidak akan menjejaskan dan memberikan impak yang negatif kepada kesejahteraan dan kestabilan alam sekitar, termasuk ekosistem hutan dan marin, dengan memberikan penekanan kepada penggunaan teknologi serta pendekatan operasi pengurusan perusahaan yang mesra alam, sesuai dengan konteks pendekatan pembangunan yang lestari (*sustainable development*).

12. Sebelum mengakhiri ucapan kaola/saya pada pagi ini, kaola/saya amat berharap, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis

Mesyuarat Negara, akan dapat memberikan kerjasama dan sokongan kepada pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam sama-sama memberigakan penekanan perancangan strategik dan hala tuju dasar Kementerian ini, bagi memastikan semua pihak yang berkenaan, khususnya para pengusaha, akan dapat meraih manfaat dari perancangan dan hala tuju Kementerian ini, dan seterusnya akan sama-sama komited untuk berusaha bersungguh-sungguh kearah menjana peningkatan dan pertumbuhan ekonomi Negara, supaya setanding dengan prestasi Negara-Negara lain dirantau ini.

13. Sekian sahaja ucapan alu-aluan ringkas kaola/saya bagi sesi Muzakarah kita pada pagi ini. Semogalah sesi ini akan memberi manfaat kepada kita semua dalam usaha kita sama sama membangun Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.